



## ABSTRAK

### WAN SUKAIRI WAN ABDULLAH (2018): Hukum Bom Bunuh Diri Dalam Jihad di Palestina: Studi Komparatif Antara Dr Yusuf Al-Qaradhawi Dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz

Perjuangan umat Islam di Palestina untuk mempertahankan tanah air mereka yang dijajah oleh Israel telah berlarutan sejak 1948. Sepanjang tempoh selama 70 tahun ini, umat Islam di Palestin telah diseksa, dihalau dan dibunuh, sehingga memunculkan beberapa gerakan pembebasan Palestinsa seperti PLO dan Hamas. Mereka telah melancarkan gerakan Intifadhah untuk menentang Israel. Sebagai salah satu strategi untuk berhadapan dengan Israel, Hamas telah menggunakan strategi bom bunuh diri yang ternyata berjaya menimbulkan ketakutan yang besar kepada tentera Israel. Oleh kerana strategi ini melibatkan perbuatan meletupan diri dengan bom untuk membunuh dan menakutkan tentera Israel, timbul persoalan apakah ia termasuk dalam perbuatan membunuh diri yang diharamkan oleh Allah. Para ulama berbeda pandangan dalam soal ini, termasuk dua ulama kontemporer iaitu DR Yusuf al-Qaradhawi (1926-sekarang), Ketua Umum Kesatuan Ulama Islam Sedunia dan Syeikh Abdul Aziz bin Baz (1910-1999), mantan Mufti Saudi Arabia. Al-Qaradhawi berpegang bahwa tindakan bom bunuh diri adalah sebesar-besar jihad, sedangkan Bin Baz melihatnya sebagai perbuatan yang dilarang oleh Islam. Bin Baz mengemukakan hujah berdasarkan ayat 29 Surah an-Nisa' yang melarang perbuatan membunuh diri, sedangkan al-Qaradhawi membawa ayat 60 Surah al-Anfal tentang perintah Allah supaya membuat segala persiapan yang disanggupi untuk menggerunkan musuh. Dalam konteks penetapan hukum ini, al-Qaradhawi melihat realitas umat Islam Palestina yang sedang berperang dengan tentera Israel, sedang Bin Baz hanya melihat dari sudut perbuatan membunuh diri itu semata-mata.

Hak Cipta dilindungi Undang-undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya ilmiah yang terdapat dalam dokumen ini tanpa mengutip sumber:

a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.

b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.

2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.